



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING BIL. 1/2022**

14 Mac 2022

Kepada :
Juruukur Bahan Professional
(Laluan Naiktaraf : Special Route / Alternative Route / Joint TPC)

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PROSEDUR KHAS :
NAIKTARAF PENDAFTARAN KEPADA JURUUKUR BAHAN CONSULTANT
BAGI CALON-CALON DARI LALUAN SPECIAL ROUTE / ALTERNATIVE ROUTE / JOINT-TPC**

PANDUAN UMUM

1.1 Tujuan

Untuk mewujudkan prosedur khas bagi laluan naiktaraf pendaftaran daripada Juruukur Bahan Professional (PQS) kepada Juruukur Bahan Consultant (CQS) berdasarkan keperluan peruntukan Seksyen 10(3)(d) Akta Juruukur Bahan (pindaan 2015).

1.2 Latar Belakang

Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) telah memperuntukkan Klausula Peralihan yang membolehkan PQS menaiktaraf pendaftaran mereka sebagai CQS setelah memenuhi tempoh 5 tahun daripada tarikh pendaftaran mereka sebagai PQS/ Juruukur Bahan Berdaftar.

Tempoh sahlaku klausula ini telah berakhir pada 01.01.2022.

Sehubungan dengan itu, bagi ahli berdaftar yang dikenalpasti berkelayakan untuk menaiktaraf pendaftaran melalui klausula peralihan sebelum ini, LJBM telah bersetuju untuk mewujudkan prosedur khas bagi membolehkan mereka memenuhi syarat menaiktaraf pendaftaran berdasarkan peruntukan seksyen 10(3)(d) Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015).

1.3 Tafsiran

Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya membawa maksud berbeza :

- (a) "Juruukur Bahan Professional" bermaksud individu yang berdaftar dengan LJBM di bawah kategori Juruukur Bahan Professional; dan
- (b) "Juruukur Bahan Berdaftar" bermaksud individu yang berdaftar dengan LJBM di bawah kategori Juruukur Bahan Berdaftar sebelum Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dikuatkuasakan; dan

- (c) "Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar" bermaksud individu yang berdaftar dengan LJBM di bawah kategori Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar sebelum Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dikuatkuasakan; dan
- (d) "Juruukur Bahan Consultant" bermaksud individu yang berdaftar dengan LJBM di bawah kategori Juruukur Bahan Consultant; dan
- (e) "Special Route" merupakan laluan naiktaraf pendaftaran daripada Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar kepada Juruukur Bahan Berdaftar / Juruukur Bahan Professional, dan
- (f) "Alternative Route" merupakan laluan naiktaraf pendaftaran daripada Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar kepada Juruukur Bahan Berdaftar / Juruukur Bahan Professional, dan
- (g) "Joint-TPC" merupakan laluan naiktaraf pendaftaran daripada Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar kepada Juruukur Bahan Berdaftar / Juruukur Bahan Professional.

PROSEDUR KHAS : NAIKTARAF PENDAFTARAN KEPADA JURUUKUR BAHAN CONSULTANT

2.1 Syarat Am

- (i) Terbuka kepada PQS yang menaiktaraf pendaftaran mereka melalui salah satu laluan yang berikut :
 - Special Route
 - Alternative Route
 - Joint-TPC
- (ii) Memenuhi 5 tahun pengalaman pendaftaran dari tarikh berdaftar sebagai PQS/ Juruukur Bahan Berdaftar.

2.2 Prosedur

Perlu menduduki dan lulus penilaian etika secara atas talian yang dikendalikan oleh LJBM dalam tempoh pelaksanaan yang ditetapkan.

2.3 Kaedah Dan Syarat Penilaian

- Secara atas talian melalui sistem ReQSys;
- Akan menjadi pra-syarat untuk permohonan naiktaraf pendaftaran sebagai CQS;
- Calon boleh menduduki penilaian ini pada bila-bila masa dalam tempoh pelaksanaan yang ditetapkan. Namun begitu, permohonan naiktaraf pendaftaran hanya boleh dikemukakan setelah calon memenuhi keperluan berikut :
 - (i) Memenuhi 5 tahun pengalaman pendaftaran sebagai PQS/ Juruukur Bahan Berdaftar, dan
 - (ii) Lulus penilaian etika seperti yang prosedur yang disyaratkan di perkara 2.2
- Tiada bayaran akan dikenakan.

TEMPOH PELAKSANAAN

Tempoh pelaksanaan prosedur ini adalah daripada 01.04.2022 sehingga 31.10.2023.


Sekiranya mereka yang berkecualan memilih untuk tidak melalui prosedur ini sebelum tempoh pelaksanaan yang ditetapkan berakhir, mereka boleh melalui prosedur 2nd Tier untuk menaiktaraf pendaftaran sebagai CQS di masa akan datang.

TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa dari 14 Mac 2022.

MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh dimajukan melalui e-mail ke alamat info@bqsm.gov.my



DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, CQS
Yang DiPertua
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia